

# SYARAT PENYERTAAN MYGAP

- Secara sukarela dan terbuka kepada ladang ternakan dan premis walit;
- Wajib kepada semua ladang ternakan dan premis walit yang mengeksport keluar negara;
- Membangunkan dan menyediakan dokumen bertulis Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP) seperti pengurusan kesihatan ternakan, biosekuriti, infrastruktur, penggunaan ubat-ubatan veterinar dan program kawalan pencemaran alam sekitar; dan melaksanakannya sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum membuat permohonan menyertai skim pensijilan;
- Ladang ternakan mempunyai sekurang-kurangnya seorang Doktor Veterinar yang berdaftar sama ada secara tetap, sambilan atau kerajaan dan mempunyai Sijil Amalan Tahunan Doktor Veterinar Ladang yang sah;
- Memperolehi sumber ternakan daripada ladang yang mempunyai sijil Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP) atau mengamalkan Good Animal Husbandry Practices (GAHP);
- Mempunyai Lesen Penternakan (Negeri berkaitan sahaja); dan
- Mempunyai surat sokongan permohonan myGAP dari DVS Negeri bagi mengesahkan ladang ternakan yang dipohon adalah bebas penyakit, mengamalkan GAHP dan disokong untuk dipersijilkan.